

# **PAHANG DARUL MAKMUR**

**Zurina Ismail**

*disunting oleh*  
**Anita bt Morah Abas**



**PELANDUK PUBLICATIONS**

Diterbitkan oleh  
**Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd**  
23M Jalan SS2/67,  
47300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

© Zurina Ismail 1987

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

#### Rujukan

Haji Buyong Adil — *Sejarah Pahang* — Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

ISBN No. 967-978-118-6 (Siri)  
967-978-131-3

959 . S12.3  
ZUR

411139

APB


24 MAY 1988  
Perpustakaan Negeri

## **Sejarah Ringkas Negeri Pahang Darul Makmur**

Negeri Pahang wujud sejak zaman batu lagi tetapi nama Darul Makmur telah ditambah secara rasmi pada bulan Februari 1986. Berbagai-bagai nama telah diberikan pada negeri Pahang oleh saudagar-saudagar Cina, Arab dan Inggeris seperti *P'eng-K'eng*, *Fanham*, *Pahangh*, *Pura* dan lain-lain. Kebanyakan nama yang diberi menerangkan keadaan negeri Pahang pada masa itu — memberi makna negeri beras dipenuhi hutan belantara (kayu balak), kaya dengan hasil lombong atau mengenai Sungai Pahang yang besar dan lebar itu.

Sejarah negeri Pahang Darul Makmur amat menarik. Tentu ramai yang merasa hairan dan akan tertanya-tanya mengapa Tuanku Ahmad Shah, Sultan Pahang yang memerintah sekarang hanya merupakan sultan yang kelima, padahal negeri Pahang Darul Makmur telah wujud sejak beratus-ratus tahun dahulu. Sebenarnya, negeri Pahang Darul Makmur telah diperintah oleh sultan sejak lebih kurang abad ke-15 tetapi keturunan sultan-sultan ini berbeza-beza. Pada mulanya, negeri Pahang Darul Makmur diperintah oleh beberapa orang sultan yang berasal dari Kesultanan Melayu Melaka. Malahan, sejarah negeri Pahang Darul Makmur juga dikatakan mempunyai perkaitan rapat dengan sejarah negeri Melaka.

Selepas berakhirnya keturunan keluarga diraja Melaka memerintah Pahang Darul Makmur, beberapa orang Benda-hara pula mengambil alih pemerintahan negeri Pahang Darul



Peta Negeri Pahang Darul Makmur

Makmur apabila negeri Pahang digabungkan dengan kerajaan Johor – Riau – Lingga. Bendahara-bendahara ini dilantik sebagai wakil pemerintah dari kerajaan Johor – Riau – Lingga. Kesultanan Melayu Pahang berasal daripada bendahara yang akhir sekali memerintah Pahang iaitu Bendahara Wan (Tun) Ahmad.

¶ Pertalian sejarah antara Pahang Darul Makmur dengan Melaka bermula apabila negeri Pahang Darul Makmur terlibat secara tidak langsung dalam perperangan antara Melaka dengan Siam ketika Melaka diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah (1446-1456). Pada masa itu Melaka terkenal sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan di Nusantara (Kepulauan Melayu). Perkembangan negeri Melaka itu mendapat perhatian dari beberapa kerajaan di sekitar Asia Tenggara. Salah satu kerajaan yang dimaksudkan ialah Siam. Pada masa itu Siam merupakan kerajaan yang terkuat dan terkenal. Banyak negeri dapat ditakluknya. Kerajaan Siam memang berhajat ingin menakluk negeri Melaka. Apabila kerajaan Melaka enggan menurut perintah, kerajaan Siam mula menyerang Melaka. Serangan yang pertama dilakukan melalui jalan darat iaitu menerusi negeri Pahang Darul Makmur yang pada masa itu berada di bawah takluk Siam. Serangan itu tidak berjaya. Kerajaan Siam tidak berputus asa. Satu serangan lagi dilakukan tetapi kali ini melalui jalan laut. Malangnya, serangan itu juga tidak berjaya.

Apabila Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Shah (1456-1477), baginda merancang hendak menyerang negeri Pahang Darul Makmur yang pada masa itu dikenali sebagai negeri Indera Pura. Tujuan serangan dilakukan, bukan sahaja untuk membalaas serangan Siam (yang turut dibantu oleh kerajaan Pahang Darul Makmur) tetapi juga kerana baginda tertarik hati pada kekayaan dan kemakmuran Indera Pura. Khabar mengatakan emas banyak dijumpai, negerinya dipenuhi hutan

belantara dan terdapat bermacam jenis binatang. Sungai Pahang pula terkenal bukan sahaja kerana luas dan panjangnya tetapi juga kerana airnya yang tawar hingga ke kuala sungai. Ramai penduduk tinggal di sepanjang sungai Pahang yang memberikan rezeki kepada mereka (terdapat banyak ikan) dan juga penting sebagai jalan perhubungan untuk pergi dari satu tempat ke tempat lain.

Pada masa itu, negeri Indera Pura diperintah oleh wakil kerajaan Siam yang bernama Maharaja Dewa Sura. Angkatan perang Melaka dapat mengalahkan angkatan perang negeri Indera Pura. Kekalahan ini menyebabkan Maharaja Dewa Sura terpaksa melarikan diri tetapi dapat ditawan oleh angkatan perang Melaka.

Sejak peristiwa itu negeri Pahang Darul Makmur berada di bawah takluk kerajaan Melaka. Pada mulanya kerajaan Melaka hanya melantik seorang wakil Sultan Melaka untuk memerintah Pahang Darul Makmur iaitu Tun Hamzah bergelar Seri Bija Diraja (panglima perang Melaka). Beliaulah yang mengetuai rombongan yang ditugaskan mengejar Maharaja Dewa Sura setelah angkatan baginda kalah. Segala hal-ehwal pentadbiran negeri Pahang Darul Makmur dikawal oleh kerajaan Melaka. Seri Bija Diraja hanya sempat memerintah Pahang Darul Makmur selama beberapa tahun.

Pemerintahan negeri Pahang Darul Makmur kemudiannya diserahkan kepada Raja Muhammad, salah seorang putera Sultan Mansur Shah yang sangat dikasihi. Bonda Raja Muhammad ialah puteri Maharaja Dewa Sura yang telah ditawan itu. Penyerahan negeri Pahang Darul Makmur kepada Raja Muhammad disebabkan peristiwa pembunuhan yang dilakukan oleh Raja Muhammad ke atas anak Tun Perak. Peristiwa inilah yang memaksa Sultan Mansur Shah "membuang negeri" putera baginda sendiri dan terhalanglah cita-cita Sultan Mansur Shah untuk melantik Raja Muhammad sebagai Sultan Melaka menggantikan tempat baginda.

Kisah ini berlaku ketika Raja Muhammad bersiar-siar di Kampung Bendahara bersama sahabat-sahabat baginda dengan menunggang kuda. Ketika baginda lalu berhampiran sekumpulan budak-budak muda yang sedang bermain sepak raga, entah macam mana bola sepak raga yang ditendang oleh Tun Besar, anak Tun Perak Bendahara Melaka telah terkena destar (tengkolok) baginda. Tendangan yang kuat itu membuatkan destar Raja Muhammad jatuh. Perbuatan itu bukanlah disengajakan oleh Tun Besar, malahan beliau tidak berniat untuk menyakiti hati sesiapa lebih-lebih lagi seorang bakal sultan. Raja Muhammad sungguh murka dan tanpa berfikir panjang, baginda meluru ke arah Tun Besar terus menikamnya hingga mati. Melihatkan kejadian itu orang ramai menjadi gempar. Semua sahabat dan keluarga Tun Besar meluahkan perasaan marah dengan membawa senjata keluar beramai-ramai untuk membalas perbuatan yang kejam itu. Mereka sedia membala dendam walaupun kekejaman itu dilakukan oleh seorang putera raja.

Apabila berita itu diketahui oleh Bendahara Tun Perak, beliau cuba menenangkan perasaan orang-orangnya dan menyuruh mereka semua bersabar. Walaupun Bendahara amat bersedih dengan kematian Tun Besar yang tidak akan dapat diganti itu, beliau sedar bahawa taat setia rakyat ialah kepada sultan yang memerintah dan kaum keluarga baginda. Bendahara Tun Perak rela berkorban demi taat setia beliau kepada sultan. Oleh itu, beliau mengingatkan mereka supaya jangan mengiktiraf Raja Muhammad sebagai Sultan Melaka kelak. Kaum keluarga dan sahabat-handai Tun Besar yang sedang marah itu terpaksa menurut cakap Bendahara yang mereka hormati itu. Raja Muhammad pun terselamat dari dibunu.

Apabila Sultan Mansur Shah mengetahui apa yang telah berlaku, baginda sangat murka. Baginda tidak sangka putera

yang amat baginda sayangi dan harap-harapkan sebagai bakal sultan telah melakukan perbuatan yang sangat kejam itu. Raja Muhammad telah membunuh tanpa berfikir panjang, membunuh seorang yang sebenarnya tidak berdosa. Sultan Mansur Shah tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan daripada Raja Muhammad. Baginda kagum dengan sifat Bendahara yang sentiasa tenang, sabar dan tidak mahu membala dendam. Baginda setuju dengan pendapat Bendahara dan pengikut Bendahara yang telah berikrar tidak akan menyembah Raja Muhammad sekiranya baginda dilantik menjadi Sultan Melaka. Tidak kira betapa sayangnya Sultan Mansur Shah terhadap putera baginda itu, namun perbuatan Raja Muhammad tidak boleh dimaafkan. Baginda telah membuat keputusan supaya Raja Muhammad dibuang negeri.

Dengan itu, Sultan Mansur Shah segera memanggil Seri Bija Diraja, wakil Sultan Melaka yang memerintah Pahang Darul Makmur menghadap ke Melaka. Baginda menitahkan supaya Seri Bija Diraja membawa Raja Muhammad serta rombongan ke Pahang Darul Makmur dan melantik Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang. Raja Muhammad tidak suka "hukuman" yang telah dijatuhkan oleh ayahanda baginda tetapi baginda tidak boleh berbuat apa-apa dan terpaksa menurut perintah. Raja Muhammad pun ditabalkan sebagai Sultan Pahang Darul Makmur yang pertama pada tahun 1470 dan bergelar Sultan Muhammad Shah. Bagindalah yang memulakan keturunan Kesultanan Melayu Pahang Darul Makmur, berasal dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad Shah (1475), baginda Sultan Ahmad Shah merasa tidak puas hati kerana ditabalkan sebagai Sultan Pahang oleh paduka ayahanda Sultan Mansur Shah. Perasaan tidak puas hati ini timbul disebabkan sistem kenaikan takhta kerajaan Melaka telah berubah sama sekali. Baginda merupakan waris Sultan Melaka yang terdekat telah kehilangan giliran menaiki takhta kerajaan

Melaka dan tempat baginda diambil alih oleh Sultan Alauddin Riayat Shah pada tahun 1477 (putera Sultan Mansur Shah yang lain) iaitu adinda Sultan Ahmad Shah sendiri. Pada masa itu menjadi Sultan Melaka adalah idaman setiap putera Sultan Melaka kerana ia merupakan lambang kemegahan, kebesaran dan keagungan empayar Melaka lebih-lebih lagi Melaka bukan sahaja terkenal sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan yang ternama di Asia Tenggara malah negeri yang terkuat di Asia Tenggara. Oleh itu, tidak hairanlah banyak negeri yang dapat ditakluk dan tunduk pada kekuatan empayar Melaka. Keadaan negeri Melaka jauh bezanya dibandingkan dengan negeri Pahang Darul Makmur yang masih dipenuhi oleh hutan belantara.

Atas sebab-sebab ini berlakulah permusuhan di antara kerabat diraja negeri Melaka dengan kerabat diraja negeri Pahang Darul Makmur. Walau bagaimanapun, negeri Pahang Darul Makmur diperintah oleh 12 orang sultan dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka dan sultan yang terakhir ini ialah Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (1584-1614).

Selepas kemangkatan baginda negeri Pahang menjadi rebutan di antara Acheh dan Johor pada awal dan pertengahan kurun masehi ke-17. Acheh pada masa itu menjalankan dasar perluasan kuasa oleh sultannya yang gagah perkasa bernama Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1614-1636) dan musuh ketat Johor kerana Johor dan Pahang membantu Portugis menentang baginda. Sultan Johor pula iaitu Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677) menyatakan bahawa Pahang adalah jajahan takluknya dan Sultan Acheh tidak berhak ke atas negeri Pahang Darul Makmur. Pahang Darul Makmur akhirnya dapat ditakluk oleh Acheh. Apabila kuasa Acheh menjadi semakin lemah, selepas kemangkatan Sultan Acheh Sultan Iskandar Thani (1636-1641), negeri Pahang Darul Makmur telah disatukan di bawah empayar Johor yang besar dan berkuasa pada masa itu.

Sultan Johor – Riau – Lingga – Pahang telah meletakkan seorang Bendahara untuk memerintah negeri Pahang Darul Makmur. Bendahara-bendahara ini dilantik sebagai wakil pemerintah bagi pihak sultan. Sejak itu, Pahang Darul Makmur diperintah oleh keturunan keluarga Bendahara Johor. Bendahara yang akhir sekali memerintah Pahang Darul Makmur iaitu Wan (Tun) Ahmad, salah seorang anak Bendahara Tun Ali telah memulakan Kesultanan Melayu Pahang.

Pada masa Tun Ali memerintah, negeri Pahang Darul Makmur bukan lagi sebahagian daripada empayar Johor – Riau – Lingga yang besar itu oleh kerana pihak Belanda dan British telah membuat perjanjian bahawa pihak British yang sepatutnya mengawasi negeri-negeri Tanah Melayu. British menjadikan Singapura sebagai pusat pemerintahan mereka.

Setelah Bendahara Tun Ali meninggal dunia, jawatan Bendahara telah dipegang oleh Tun Mutahir, abang Wan Ahmad. Perlantikan itu telah diterima sebulat hati oleh Wan Ahmad kerana Tun Mutahir adalah Pemangku Bendahara. Tetapi Tun Mutahir telah melakukan kesalahan yang besar – beliau telah melanggar wasiat Allayarham ayahanda mereka. Tun Ali telah mewasiatkan supaya semua hasil dari daerah Kuantan dan Endau diberikan kepada Wan Ahmad. Tindakan Tun Mutahir itu membuatkan Wan Ahmad sangat marah. Beliau tahu hanya satu cara sahaja yang boleh menyelesaikan perkara itu iaitu melalui peperangan. Peperangan yang berlaku itulah dikenali sebagai Perang Saudara di Pahang. Dalam Perang Saudara ini, berlakunya dua peperangan yang dikenali sebagai Perang Endau dan Perang Kuantan, sempena mengambil nama tempat berlakunya peperangan itu.

Di akhir peperangan, Wan Ahmad berjaya mengalahkan abangnya Wan Mutahir. Satu perkara yang sungguh dikesalkan oleh Wan Mutahir ialah peperangan ini telah banyak merugut nyawa rakyat dan merosakkan harta benda hanya kerana



Sultan Ahmad, Sultan Pahang I

semata-mata perasaan tamaknya. Kemenangan diarah Wan Ahmad menyebabkan Wan Mutahir hilang pengaruh dan jawatan Bendahara dan ini memberikan peluang kepada Wan Ahmad menjadi Bendahara dan juga seluruh negeri Pahang Darul Makmur jatuh ke tangan beliau. Dengan itu, Wan Ahmad diisytiharkan sebagai Bendahara Pahang Darul Makmur pada 10hb Jun 1863.

Setelah beberapa lama memerintah, pada 6hb Ogos 1882, Bendahara Wan Ahmad memakai gelaran sultan. Bendahara bergelar Sultan Ahmad Shah. Dua tahun kemudian, satu perisytiharan dipenuhi adat istiadat besar-besaran diadakan di Pekan, Pahang sempena penabalan Sultan Ahmad sebagai Sultan Pahang oleh orang besar-besaran Pahang. Baginda memakai gelaran Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah dan merupakan Sultan Pahang yang pertama dari keturunan Bendahara Kerajaan Johor – Riau – Lingga – Pahang. Secara keseluruhan, baginda telah memerintah selama 50 tahun sehingga tahun 1914 iaitu suatu jangkamasa pemerintahan yang sangat lama. Jangkamasa pemerintahan baginda ini adalah penting dalam sejarah negeri Pahang Darul Makmur, baik dari segi pembangunan mahupun pentadbiran. Sebahagian dari masa itu merupakan zaman pemerintahan atau lebih tepat lagi zaman pendudukan pihak Inggeris ke atas negeri Pahang. Pada zaman ini juga wujudnya ramai pahlawan Melayu yang menentang pihak Inggeris kerana tidak tahan diperintah oleh penjajah seperti Mat Kilau, Tok Gajah, Datuk Bahaman, Mat Lela, Teh Ibrahim, Awang Nong dan ramai lagi.

Walaupun baginda berjaya memegang teraju pemerintahan negeri Pahang Darul Makmur, beberapa bulan pertama pemerintahan baginda, negeri Pahang Darul Makmur masih lagi dipenuhi dengan perang. Pada mulanya berlaku perselisihan faham dengan Temenggong Ibrahim di Johor mengenai hak milik beberapa kepulauan di Laut China



Sultan Mahmud, Sultan Pahang ke-2

Selatan. Selepas itu Pahang Darul Makmur diserang pula oleh anak-anak Allahyarham Tun Mutahir. Mereka mendapat bantuan daripada Tengku Kudin di Selangor. Walau bagaimanapun serangan ini dapat dikalahkan.

Baginda juga terlibat secara tidak langsung dalam perang saudara yang berlaku di Selangor apabila Wan Aman, salah seorang anak Tun Mutahir yang juga anak saudara baginda telah dibunuh oleh pihak Raja Mahadi. Apabila pihak yang menentang Raja Mahadi iaitu Tengku Kudin meminta pertolongan baginda, dengan segera baginda bersetuju. Bantuan ketenteraan ini juga dipersetujui oleh Gabenor Inggeris di Singapura. Setelah berbulan-bulan berperang, pihak Tengku Kudin yang dibantu oleh orang-orang Pahang mendapat kejayaan.

Pihak Inggeris memang sejak dahulu lagi telah memerhatikan apa yang sedang berlaku di negeri Pahang Darul Makmur. Mereka sentiasa mencari peluang untuk campur tangan. Pihak Inggeris hanyalah dianggap sebagai penasihat baginda dan tidak lebih dari itu. Sultan Ahmad akan meminta nasihat ataupun pertolongan dari pihak Inggeris tetapi baginda tidak mahu Inggeris mencampuri hal-ehwal pemerintahan baginda apatah lagi memerintah negeri. Sultan Ahmad telah bersusah payah mendapatkan kuasa, oleh itu baginda tidak mahu melepaskannya begitu sahaja. Baginda sedar bahawa tugas baginda bukanlah senang. Pahang adalah negeri yang sangat besar. Kebanyakan kawasan masih lagi dipenuhi oleh hutan belantara dan gunung-ganang. Jalan raya yang sempurna belum lagi dibina. Oleh itu, sungai merupakan cara yang penting bagi perjalanan dan pengangkutan. Kebanyak-an penduduk tinggal berhampiran dengan sungai, terutamanya di tebing Sungai Pahang. Mereka menyara hidup mereka dengan bercucuk tanam dan ramai yang hidup dalam kemiskinan. Faktor-faktor ini menyebabkan Sultan Ahmad merasa sukar untuk mengawal apa yang berlaku di bahagian pedalaman.



Sultan Abdullah, Sultan Pahang ke-3

Demi memajukan negeri Pahang Darul Makmur dan meninggikan lagi taraf hidup rakyat yang miskin, Sultan Ahmad telah mengambil bangsa asing untuk menjalankan perusahaan logam. Negeri Pahang Darul Makmur memang kaya dengan berbagai jenis logam seperti emas dan bijih timah. Orang Portugis, Arab, Cina dan saudagar-saudagar asing yang lain telah diberi kebenaran untuk memajak tanah-tanah lombong itu. Selain mendapat hasil lumayan dari tanah-tanah yang dipajak itu, perusahaan lombong juga memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dengan bertambahnya kemajuan negeri, ramailah yang datang untuk berniaga.

Peluang pihak Inggeris untuk campur tangan dalam pemerintahan Pahang Darul Makmur tiba-tiba terbuka apabila mereka mendapat tahu Sultan Ahmad dan adinda baginda, Engku Muda Mansur telah bermusuh. Rancangan Engku Muda Mansur hendak menyerang Sultan Ahmad juga diketahui oleh pihak Inggeris dan dapat dipatahkan oleh mereka. Sultan Ahmad amat berbesar hati di atas pertolongan Inggeris itu tetapi baginda masih lagi tidak mahu Inggeris memerintah Pahang Darul Makmur. Pihak Inggeris mendesak Sultan Ahmad membuat surat perjanjian memberikan mereka kuasa di Pahang Darul Makmur. Setelah tidak berjaya, pihak Inggeris menghantar Frank Swettenham iaitu Pemangku Residen British di negeri Perak supaya memujuk Sultan Ahmad. Frank Swettenham telah berjaya di Perak, jadi pihak Inggeris berfikir bahawa beliau boleh mempengaruhi Sultan Ahmad. Apabila Frank Swettenham cuba memujuk Sultan Ahmad ternyata usaha pihak Inggeris itu menemui kegagalan.

Biar apa pun alasan yang diberikan oleh pihak Inggeris, Sultan Ahmad tetap tegas dengan pendirian baginda. Baginda tidak mahu kuasa baginda dibahagi dua dengan pihak Inggeris. Setiap kali didesak oleh pihak Inggeris, baginda menyatakan baginda perlukan masa untuk berbincang dengan orang besar-

besar baginda hingga Gabenor Inggeris terpaksa datang ke negeri Pahang Darul Makmur tetapi juga gagal memujuk Sultan Ahmad. Walaupun pihak Inggeris mengugut tidak lagi mahu membantu Pahang Darul Makmur jika diserang musuh baik dari dalam maupun luar negeri, Sultan Ahmad tidak gentar dengan ugutan tersebut.

Tidak lama kemudian tiba-tiba Sultan Ahmad telah menukar fikiran. Baginda bersedia untuk menandatangani surat perjanjian dengan Inggeris. Pada masa itu seorang Inggeris bernama Hugh Clifford menjadi wakil British di Pahang Darul Makmur. Hugh Clifford adalah seorang yang tidak mudah putus asa, kadang-kadang beliau menunggu hingga tengah malam untuk berjumpa dengan Sultan Ahmad. Tetapi bukan pujuhan Hugh Clifford yang telah membuat Sultan Ahmad menukar fikiran. Keputusan baginda itu dipengaruhi oleh Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar yang sebelum ini merupakan penasihat utama kepada baginda supaya jangan membuat perjanjian dengan Inggeris, telah juga menukar fikiran.

Pihak Inggeris amat gembira apabila mendengar berita yang mereka anggap sebagai kejayaan yang sangat besar. Dengan segera pihak Inggeris menguruskan supaya Gabenor pergi ke negeri Pahang Darul Makmur untuk membuat perjanjian dengan Sultan Ahmad. Pihak Inggeris amat terkejut apabila Sultan Ahmad mengemukakan beberapa syarat sebelum menandatangani perjanjian tersebut. Sebahagian dari syarat itu ialah baginda diberi kuasa melantik dan juga memecat wakil Inggeris mengikut kehendak baginda, wakil Inggeris tidak boleh mengambil bahagian dalam hal pajak-memajak tanah dan tidak boleh menerima apa-apa pengaduan daripada rakyat, Sultan Ahmad juga mahu pihak Inggeris mengakui putera baginda sebagai bakal sultan.

Jelaslah bahawa Sultan Ahmad tidak mahu memberi banyak



Hugh Clifford

kuasa kepada pihak Inggeris. Dalam hal ini, bagindalah yang paling berkuasa di Pahang Darul Makmur. Pihak Inggeris tentunya tidak bersetuju dengan kehendak Sultan Ahmad, malahan mereka memberikan cadangan lain supaya mereka mendapat lebih kuasa dalam pemerintahan. Masing-masing berkeras hati dan akhirnya perjanjian tidak dapat ditandatangani. Orang besar-besar Pahang Darul Makmur amat gembira apabila perjanjian itu tidak jadi ditandatangani. Mereka memang tidak bersetuju sama sekali pihak Inggeris mencampuri hal-ehwal negeri mereka. Walau bagaimanapun Sultan Ahmad bersetuju menerima Hugh Clifford sebagai wakil kerajaan Inggeris di negeri Pahang Darul Makmur. Namun demikian, Hugh Clifford tidak diberikan banyak kuasa dan tugas beliau hanyalah sebagai penasihat sahaja.

Negeri Pahang Darul Makmur masih juga tidak aman. Sultan Ahmad dan orang besar-besar nampaknya tidak dapat mengamankan keadaan dalam negeri. Semua pergolakan yang berlaku dalam negeri menyebabkan pihak Inggeris merasa lebih baik mereka campur tangan dalam hal-hal pentadbiran dan pemerintahan. Tetapi sebab sebenarnya ialah negeri Pahang Darul Makmur merupakan negeri yang kaya dengan logam. Sudah tentu pihak Inggeris tidak mahu melepaskan peluang mengusahakan lombong-lombong yang menguntungkan itu. Sultan Ahmad tidak setuju sama sekali pihak Inggeris sama-sama memerintah Pahang Darul Makmur. Tetapi akhirnya, pihak Inggeris berjaya juga memerintah Pahang Darul Makmur setelah Sultan Johor sekali lagi masuk campur. Oleh itu pada bulan Oktober 1888 J.P. Rodger diterima sebagai Residen Inggeris yang pertama tetapi beliau mula memegang jawatannya itu pada 1hb Julai 1889.

Adanya Residen Inggeris bermakna bahawa semua hal pentadbiran dan pemerintahan mesti diberitahu dan dibincangkan terlebih dahulu dengan beliau, melainkan hal-hal yang

berkaitan dengan adat resam orang Melayu dan agama Islam. Pada mulanya, semuanya berjalan dengan lancar. Tetapi lama-kelamaan Residen Inggeris berjaya mengambil alih tugas-tugas dan kuasa sultan, mencampuri hal-hal yang berkaitan dengan adat resam masyarakat Melayu dan agama Islam yang mana tidak disukai oleh orang Melayu. Tindakan ini menimbulkan rasa marah dan penentangan Sultan Ahmad serta orang besar-besar baginda tetapi penentangan baginda hanyalah secara sembunyi-sembunyi, tidak diketahui oleh pihak Inggeris.

Perasaan anti-Inggeris ini berterusan hingga pada tahun 1891 apabila seorang pahlawan Melayu iaitu Datuk Bahaman mula menentang pihak Inggeris secara terang-terangan. Ini menaikkan semangat berkobar-kobar masyarakat Melayu yang lain bangkit menentang pihak Inggeris hingga ke titisan darah terakhir untuk mempertahankan kedaulatan raja mereka dan hak keistimewaan mereka dari dicerobohi oleh bangsa asing.

Menceritakan tentang diri Datuk Bahaman, beliau merupakan salah seorang pahlawan Melayu Pahang yang gagah berani. Datuk Bahaman tersangat marah kepada pihak Inggeris apabila pegawai-pegawai Inggeris dihantar ke tempat beliau. Pada masa itu, Datuk Bahaman berkuasa di Semantan dalam daerah Temerloh. Tanpa berunding dengan Datuk Bahaman, pihak Inggeris telah mendirikan balai polis dan mula menjalankan undang-undang mereka sendiri. Dengan beraninya Datuk Bahaman telah membantah pembinaan balai polis di situ dan mencaci majistret Inggeris di Temerloh. Pihak Inggeris merasa terhina dengan kata-kata kesat Datuk Bahaman. Perbuatan beliau yang dikatakan biadab itu dilaporkan kepada Sultan Ahmad. Sultan Ahmad merasa serba salah untuk mengambil tindakan ke atas Datuk Bahaman kerana beliau sangat disayangi oleh baginda dan juga baginda mengiktiraf per-

buatan Datuk Bahaman kerana baginda juga bencikan orang Inggeris. Pihak Inggeris sentiasa mendesak baginda supaya menghukum Datuk Bahaman. Akhirnya setelah didesak beberapa kali, Sultan Ahmad bersetuju untuk melucutkan gelaran Orang Kaya Pahlawan Semantan dari Datuk Bahaman.

Dalam pada itu, Datuk Bahaman dengan terus-terang telah memberitahu pegawai Inggeris bahawa beliau tidak akan menurut undang-undang yang ditetapkan oleh mereka. Beliau tidak takut dan gentar dengan ugutan pihak Inggeris malah beliau terus memungut cukai, membenarkan penduduk di Semantan mengeluarkan hasil dari hutan dan menasihatkan pengikut-pengikut beliau supaya jangan memberikan apa-apa kerjasama kepada pihak Inggeris. Tindakan Datuk Bahaman ini telah menaikkan lagi semangat orang Melayu untuk terus berjuang dan bertambah ramailah pengikut beliau. Oleh itu bermulalah penentangan secara besar-besaran yang melibatkan lebih ramai pahlawan Melayu, orang besar-besar serta rakyat jelata menentang pendudukan Inggeris dan corak pemerintahan mereka.

Pihak Inggeris tidak berdiam diri. Pertempuran demi pertempuran berlaku di antara kedua-dua belah pihak. Tengku Mahmud iaitu putera Sultan Ahmad yang bakal menjadi sultan terpaksa membantu pihak Inggeris yang diketuai oleh Hugh Clifford menentang Datuk Bahaman. Pihak Inggeris mendesak Sultan Ahmad supaya menjalankan tindakan keras terhadap Datuk Bahaman. Beliau tidak boleh dibiarkan bermaharajalela begitu sahaja. Baginda terpaksa bersetuju kerana baginda telah menandatangani perjanjian dahulu — mengatakan bahawa baginda akan bekerjasama dengan pihak Inggeris menentang mana-mana musuh negeri Pahang Darul Makmur. Baginda menitahkan orang besar-besar menangkap atau membunuh Datuk Bahaman yang baginda isytiharkan sebagai



Tok Gajah

penderhaka. Baginda juga memberi amaran kepada rakyat iaitu sesiapa yang didapati menjadi pengikut Datuk Bahaman akan menerima hukuman. Sultan Ahmad juga sedia mengampunkan pengikut-pengikut Datuk Bahaman.

Oleh itu, ramailah pengikut Datuk Bahaman menyerah diri apabila pihak baginda mencapai kemenangan. Bagi Datuk Bahaman sendiri, beliau terpaksa melarikan diri ke dalam hutan. Datuk Bahaman tidak mahu menyerah diri. Sebenarnya, walaupun Datuk Bahaman kalah dalam pertempuran dengan pihak Inggeris tetapi ramai orang besar-besar Pahang Darul Makmur secara bersembunyi tanpa diketahui oleh Sultan Ahmad menentang Inggeris. Mereka ini termasuklah Tok Gajah yang menjadi ketua pasukan perang Sultan Ahmad, Mat Kilau anak kepada Tok Gajah, Awang Nong, Teh Ibrahim dan Mat Lela.

Namun, mungkin kerana mereka tidak mempunyai kelengkapan senjata moden seperti pihak Inggeris, pihak anti-Inggeris kalah juga akhirnya. Jumlah pengikut Datuk Bahaman yang menyerah diri bertambah ramai apabila Sultan Ahmad mengisyiharkan pengampunan beramai-ramai. Pihak Inggeris masih lagi tidak berpuas hati. Mereka mahukan pahlawan-pahlawan Melayu itu menyerah diri kerana tanpa mereka sudah tentu orang-orang Melayu Pahang Darul Makmur tidak mempunyai semangat untuk meneruskan perjuangan menentang Inggeris. Pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur itu tidak mahu menyerah diri. Akhirnya, mereka pergi ke Terengganu, meninggalkan negeri Pahang dan tidak kembali lagi.

Di Terengganu, pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur itu dibantu oleh seorang alim yang terkenal iaitu Tok Engku Sayid. Beliaulah yang telah memberi semangat kepada pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur supaya meneruskan perjuangan mereka.

Hugh Clifford tidak berputus asa. Beliau berazam akan menghapuskan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur yang telah banyak menyusahkan mereka. Beliau terus memburu pahlawan-pahlawan Melayu hingga ke Terengganu. Walau bagaimanapun usaha Hugh Clifford menemui kegagalan kerana Sultan Terengganu, orang besar-besarkan serta rakyat Terengganu tidak memberikan kerjasama kepada pihak Inggeris tentang tempat persembunyian pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur yang selalu bertukar-tukar tempat. Hugh Clifford kecewa dengan sikap mereka. Setelah gagal dalam tugasnya, Hugh Clifford meninggalkan Terengganu dan kembali ke Singapura.

Pihak Inggeris kemudiannya telah meminta bantuan dari kerajaan Siam untuk menangkap pahlawan-pahlawan Melayu Pahang yang digelarnya sebagai "pemberontak". Kerajaan Siam bersetuju membantu pihak Inggeris. Raja Siam memilih dua orang pegawaiannya iaitu Luang Visudh dan Luang Swat untuk mengetuai angkatan Siam ke Terengganu.

Dengan usaha gigih dari dua orang pegawai Siam ini, pahlawan-pahlawan Melayu tertangkap juga akhirnya pada tahun 1895. Mereka yang ditangkap ialah(Datuk Bahaman, Awang Nong, Mat Lela, Teh Ibrahim, Hj. Mat Wahid dan Pak Lang Yusoh lalu dibawa ke negeri Siam.)

Mengenai diri Mat Kilau, sebenarnya tidak mati seperti yang dikatakan di dalam beberapa buah buku sejarah. Peristiwa ini berlaku semasa dua orang pegawai Siam hendak mengadakan perundingan dengan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur di Kelantan. Oleh itu satu majlis jamuan telah diadakan untuk mencari jalan penyelesaian. Apabila perundingan itu gagal mencapai sebarang keputusan, askar-askar Siam mula menyerang pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur. Oleh kerana pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur tidak bersedia,

Many old people could still hold their ground in difficult circumstances, but the younger generation had lost the will to defend their lands.



Mat Kilau

mereka tertangkap sedangkan Mat Kilau yang dikatakan cuba melawan telah dibunuh oleh askar-askar Siam. Mereka kemudiannya menyerahkan Mat Kilau yang disangkakan mati itu kepada Sultan Kelantan. Sebenarnya Mat Kilau tidak mati. Sultan Kelantan bersimpati dengan beliau dan tidak sampai hati menyerahkan Mat Kilau kepada kerajaan Siam. Oleh itu, baginda telah menitahkan beliau supaya menyelamatkan diri. Untuk memuaskan hati orang Siam, Sultan Kelantan telah menanam batang pisang "di kubur" Mat Kilau. Selepas kejadian itu, tidaklah diketahui apa yang berlaku ke atas Mat Kilau.

Pada penghujung tahun 1969, sekali lagi heboh cerita mengenai Mat Kilau. Pada masa itu seorang tua dan keluarganya telah pergi mengerjakan sembahyang Jumaat di masjid Kampung Pulau Tawar, Jerantut, Pahang. Sebelum bersembahyang, orang tua itu telah memberitahu orang ramai di masjid bahawa nama beliau yang sebenarnya ialah Mat Kilau. Beliau mengaku berumur 122 tahun. Sebagai membuktikan kebenaran kata-katanya, orang tua itu telah menunjukkan tanda atau parut-parut di badannya. Sebelum datang ke Kampung Pulau Tawar orang tua itu tinggal beberapa lama di Kampung Batu Lima, Jalan Gambang, Kuantan, Pahang. Beliau menggunakan nama Muhammad Din bin Ibrahim dan digelar Mat Siam.

Dengan pantas cerita itu tersebar ke seluruh negeri Pahang Darul Makmur. Berita mengenai Mat Kilau telah disiarkan di dalam akhbar hingga beberapa bulan. Orang tua itu tidak putus-putus dikunjungi orang — bukan sahaja oleh para pemberita dan ahli sejarah tetapi juga oleh orang ramai yang mahu melihat dan mendengar cerita pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur itu. Dengan megah sekali beliau menceritakan kisah silam perjuangan beliau. Disebabkan ramai yang berminat hendak mendengar dan mengetahui malah ada yang



Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang ke-4

meragui pengakuan Mat Kilau itu, kerajaan Pahang Darul Makmur telah menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk menyiasat cerita orang yang mengaku dirinya Mat Kilau itu. Setelah menjalankan siasatan yang mendalam, pada 6hb Ogos 1970, Menteri Besar Pahang Darul Makmur telah mengisyiharkan bahawa "Mat Kilau" itu sebenarlah Mat Kilau anak Tok Gajah, pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur. Sekali lagi rakyat negeri Pahang Darul Makmur dan rakyat seluruh negara gempar. Malangnya Mat Kilau tidak dapat hidup lama untuk menceritakan kisah-kisah perjuangannya. Beliau meninggal dunia 10 hari (16hb Ogos 1970) selepas diisyiharkan kebenaran pengakuannya itu.

Pengkbumian beliau telah dijalankan mengikut upacara yang penuh penghormatan negeri. Mat Kilau menerima sambutan dan penghormatan yang sewajarnya yang patut diberi kepada seorang pahlawan gagah berani, berjuang bermartabat menentang pihak penjajah. Sayangnya Datuk Bahaman dan Tok Gajah tidak dapat menerima penghormatan yang sama. Mereka meninggal dunia jauh dari tanah negeri Pahang Darul Makmur yang amat mereka cintai itu. Demikianlah berakhirnya perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang Darul Makmur dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad yang dikatakan penuh dengan penentangan dan peperangan.

Setelah kemangkatan Sultan Ahmad (1914), baginda digantikan oleh putera baginda Tengku Mahmud sebagai Sultan Pahang yang kedua, bergelar Sultan Mahmud. Baginda memerintah hanya selama lebih kurang tiga tahun sahaja. Pada tahun 1917 baginda mangkat. Pengganti baginda iaitu adinda baginda Tengku Abdullah menaiki takhta kerajaan negeri Pahang Darul Makmur sebagai Sultan Pahang yang ketiga dengan gelaran Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Bi'llah ibni almarhum Sultan Ahmad. Pemerintahan baginda juga tidak lama hanya 15 tahun sahaja. Baginda mangkat pada 22hb Jun 1932. Tengku Abu Bakar putera baginda yang dilantik




Sultan Haji Ahmad Shah, Sultan Pahang ke-5

menjadi Tengku Mahkota Pahang semasa hayat baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Pahang yang keempat pada keesokan harinya sebelum upacara permakaman almarhum Sultan Abdullah dilakukan. Baginda bergelar Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muazzam Shah. Lebih kurang setahun kemudian iaitu pada 29hb Mei 1933, Sultan Abu Bakar ditabalkan sebagai Sultan Pahang dengan penuh istiadat diraja Pahang.

Baginda memerintah dengan aman makmur selama lebih kurang lapan tahun apabila tiba-tiba pada tahun 1941 seluruh Tanah Melayu termasuk negeri Pahang Darul Makmur dapat ditawan oleh Jepun. Pihak Inggeris menyerah diri pada tentera Jepun. Selama Jepun memerintah, rakyat hidup dalam keadaan derita dan ketakutan. Walaupun negeri Pahang Darul Makmur diperintah oleh tentera Jepun, baginda tidak mahu merendah diri pada penjajah. Baginda tetap bersemayam dalam istana baginda di Pekan, Pahang sebagai Sultan Pahang yang paling berkuasa di Pahang Darul Makmur. Dengan adanya penjajah, beberapa kumpulan anti-Jepun telah ditubuhkan untuk menentang pemerintahan Jepun yang kejam itu, misalnya Tentera Wataniah. Baginda sultan tidak melarang rakyat menentang pihak Jepun, malahan baginda memberi perangsang di atas tindakan mereka itu. Selepas Jepun menyerah kalah British kembali menduduki Tanah Melayu.

Sultan Abu Bakar tetap menjadi Sultan Pahang. Baginda memerintah selama 33 tahun berikutnya sehingga pada 4hb Mei 1974 baginda mangkat dengan mengejut di Istana Abu Bakar. Jangkamasa pemerintahan baginda adalah selama 41 tahun. Baginda diganti oleh putera baginda Tengku Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang yang kelima bergelar Sultan Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar yang memerintah negeri Pahang Darul Makmur sekarang.

Baginda Sultan Ahmad Shah diputerakan pada 24hb Oktober 1930. Baginda ditabalkan sebagai Tengku Mahkota



Taman Negara

24 MAY 1988

Pahang pada 25hb Mei 1944. Pada 21hb September 1975 baginda dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Empat tahun kemudian iaitu pada 25hb April 1979, baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ketujuh. Istiadat pertabalan berlangsung di Istana Negara pada 10hb Julai 1980.

Meskipun negeri Pahang Darul Makmur diliputi oleh hutan belantara yang tebal yang sudah tentu menyukarkan kerja-kerja penebangan tetapi hutan tebal inilah yang menjadi sumber pendapatan utama kerajaan Pahang Darul Makmur selain dari hasil pertanian. Hasil kayu balaknya dieksport ke luar negeri. Oleh kerana mempunyai banyak tumbuhan hijau yang menarik dan ganjil, kerajaan negeri Pahang Darul Makmur berusaha keras untuk mengekalkan kecantikan alam semulajadi dengan mengindahkan kawasan hutannya yang diberi nama Taman Negara. Pokok-pokok yang terdapat di hutan itu adalah yang tertua sekali di dunia. Pokok-pokoknya dianggarkan berusia 130 juta tahun. Kawasan Hulu Tembeling juga dibiarkan tanpa sebarang projek pembangunan dilakukan untuk mengekalkan kecantikan alam semulajadinya.

Sebenarnya, banyak lagi tempat yang menarik untuk kita lawati. Antaranya ialah Gunung Tahan merupakan gunung yang tinggi sekali di Semenanjung Malaysia, Cameron Highlands, Telok Chempedak, Tasek Chini dan Pulau Tioman. Tempat-tempat ini dapat memikat hati para pelancong dari luar negeri. Ini secara langsung dapat menambahkan pendapatan kerajaan Pahang Darul Makmur melalui industri pelancongan dan juga membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan.

Usaha kerajaan negeri Pahang Darul Makmur memperkenalkan projek-projek baru akan terus menjamin dan mengekalkan taraf hidup penduduk Pahang Darul Makmur.

Naskah Pemeliharaan  
Perniagaan Negara Malaysia  
9 APR 1987